

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

11. Kebanyakan sekolah yang telah dibina sebelum ini tidak mempunyai Sijil Layak Menduduki (OC). Contoh Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Bayu dan Mutiara Perdana.
- (a) Apakah risiko kepada pelajar dan kakitangan sekolah?
 - (b) Bagaimana untuk menyelesaikan masalah tersebut?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), sememangnya terdapat sekolah-sekolah di Pulau Pinang yang tidak mempunyai OC atau sekarang ini CCC termasuklah Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Bayu (kini ditukar nama kepada SK Teluk Kumbar II) dan Sekolah Kebangsaan Mutiara Perdana. Pembinaan sekolah-sekolah ini diuruskan oleh '*Project Management Consultant*' (PMC) pada tahun 2002 hingga 2011. PMC adalah perunding yang berdaftar dan pelantikan diluluskan oleh Kementerian Kewangan.
- (a) Kemungkinan untuk berlaku bencana termasuk kemalangan adalah rendah kerana tahap keselamatan bangunan tersebut telah dibina dengan keperluan aspek-aspek keselamatan seperti laluan kecemasan, pemasangan peralatan keselamatan kebakaran dan kualiti binaan yang mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Di samping itu,

PMC yang dilantik untuk mengurus projek ini akan berkerjasama dengan jurutera perunding, sivil, mekanikal, elektrikal dan jurukur bahan dalam memantau pelaksanaan projek sekolah ini bagi memastikan spesifikasi yang ditetapkan dipatuhi. Selain pada itu, mengikut Peraturan Membina Bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang dikeluarkan oleh KPKT pada tahun 1999 menyatakan bahawa OC adalah dikecualikan bagi bangunan persekutuan yang tidak dijual setelah siap dibina termasuk bangunan sekolah. Namun, permohonan Kebenaran Merancang sebelum pelaksanaan projek adalah masih diwajibkan.

- (b) Tindakan penyelesaian bagi masalah ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri memandangkan pengurus projek bagi bangunan sekolah adalah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh itu KPM yang bertanggungjawab terhadap penyelesaian pengeluaran OC atau CCC.